

18 NOV 2000

Umno-Tutup (Reaksi)

PERSIDANGAN TERTUTUP JADIKAN PERWAKILAN LEBIH TERBUKA

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Perhimpunan Agung Khas Umno untuk meminda perlembagaan parti itu yang dijalankan secara tertutup telah membuka jalan anggota-anggota parti berbahas secara lebih terbuka dan responsif.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Mohd Taib berkata sesi perbahasan pada sebelah pagi selepas ucapan Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berjalan secara amat memberansangkan.

"Saya seronok tengok ahli-ahli lebih responsif...sebab ia dijalankan secara tertutup," katanya kepada pemberita di luar dewan persidangan selepas mesyuarat ditangguhkan untuk makan tengah hari.

Beliau diminta mengulas mengapa perbahasan terhadap cadangan-cadangan pindaan kepada Perlembagaan parti dikendalikan secara tertutup, tidak seperti pada perhimpunan-perhimpunan agung yang lepas.

Muhammad berkata sikap terbuka perwakilan yang menyertai perhimpunan agung khas hari ini adalah penting kerana isu yang dibangkitkan bertujuan mengukuhkan parti.

Muhammad berkata untuk itu sewajarnya persidangan dijalankan secara tertutup bagi membolehkan perwakilan berterus-terang dalam pandangan mereka mengenai pindaan yang akan dilakukan dalam perlembagaan parti.

"Ini membincangkan soal keluarga, saya ingat biar dibincang secara terus-terang," kata beliau.

Seorang lagi naib presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak pula menolak tanggapan pemerhati dan pihak media bahawa berlaku perdebatan hangat di kalangan perwakilan berhubung pindaan pelembagaan pada perhimpunan agung khas kali ini, justeru diadakan secara tertutup.

Katanya, perbahasan itu tidak melibatkan banyak masalah dan kebanyakannya dapat diterima dengan baik oleh perwakilan yang hadir.

"Di peringkat jawatankuasa, kalau ada pindaan pun ia tidak melibatkan prinsip tetapi lebih kepada perkara-perkara yang lebih terperinci," katanya.

Ditanya sama ada perkara-perkara dalam pindaan itu yang menyebabkan suasana perbahasan menjadi tegang, Najib berkata: "Tidak ada, tidak ada yang marah, tidak ada gaduh dan tidak ada baling-baling kerusi. Semuanya aman."

Beliau juga berkata antara sebab persidangan itu dijalankan secara tertutup adalah kerana ia melibatkan perbahasan mengenai pindaan perlembagaan Umno.

Ditanya sama ada tindakan itu menunjukkan Umno tidak telus dalam aktiviti demokrasinya, Najib berkata ia tidak benar kerana anggota Umno mempunyai hak yang penuh dalam sebarang pindaan Perlembagaan.

"Tiada apa yang patut diragui berlaku," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Tetap Umno Tan Sri Sulaiman Ninam Shah berkata perhimpunan agung kali ini khusus bagi membincangkan usul pindaan perlembagaan parti dan tidak membahaskan ucapan Presiden.

"Perhimpunan ini tiada perbahasan mengenai ucapan Presiden, kita akan terus kepada pembentangan pindaan," katanya sebelum menangguhkan perhimpunan untuk jamuan pagi selepas ucapan Dr Mahathir.

Lebih 2,000 perwakilan dari 165 bahagian menghadiri perhimpunan kali ini.

-- BERNAMA

NM NHA RZS ZS RHM

